



**TEKS UCAPAN**  
**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

**MAJLIS PERASMIAN**  
**SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA 2023**

**DEWAN PERDANA FELDA, KUALA LUMPUR /**  
**8 MAC 2023 / 10.00 PAGI**

*Kemaskini 7 Mac 2023*

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam Keluarga Malaysia

**(SALUTASI)**

**LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN**

## **(A) PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T., dengan limpah kurnia dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama dalam Majlis **Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2023**. Sambutan Hari Wanita ini adalah merupakan satu manifestasi penghargaan dan pengiktirafan kepada golongan wanita tanpa mengira latar belakang, etnik, bahasa, budaya, ekonomi sekalipun politik.

Alhamdulillah, all praise to Allah S.W.T., that with His abundant grace and permission, we are gathered here today for the 2023 International Women's Day Celebration. This Women's Day celebration is a manifestation of appreciation and recognition for women regardless of background, ethnicity, language, culture, economy or even politics.

2. **Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada YAB Perdana Menteri**, di atas sokongan padu yang diberikan dengan hadir merasmikan dan meraikan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa Tahun

2023. Sesungguhnya, sokongan YAB Perdana Menteri adalah satu pengiktirafan atas peranan dan sumbangan wanita kepada pembangunan negara. Ia juga adalah **simbolik tanda penghargaan Kerajaan Perpaduan terhadap peranan penting wanita** sebagai penggerak utama kemajuan negara, pembangunan institusi kekeluargaan dan pengukuhan masyarakat yang penyayang. Kepimpinan negara sangat menyanjung sumbangan wanita dalam pelbagai sektor serta dalam membantu membangunkan Malaysia Madani. Hari ini

amat istimewa kepada Kaum Hawa kerana kita  
berpeluang bercakap mengenai keistimewaan wanita.

I would like to give my utmost appreciation and gratitude to the Honorable Prime Minister, for the solid support given to inaugurate and celebrate International Women's Day 2023. Indeed, the Prime Minister's support is a recognition to the role and contribution of women in our country. This is symbolic with the Perpaduan Government's appreciation for the important role of women as the main driver of national progress, the development of family institutions and the strength of a loving society. The national leadership highly praises the contribution

of women in various sectors as well as in helping to develop a civilized Malaysia. Today, is a very special day for “Kaum Hawa” because we have the opportunity to ponder about the privilege of being a woman.

3. Untuk makluman para hadirin, program Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2023 hari ini disiarkan secara langsung di Facebook Live dan YouTube Live. Semua wanita di luar sana dapat mengikuti program ini walaupun tidak dapat hadir secara fizikal di dewan ini.

For your information, today's program 2023 will be broadcasted live on Facebook and YouTube. This means that all women out there can attend this program even if they cannot be physically present in this hall.

## **(B) TEMA HARI WANITA**

3. Seiring dengan konsep **Malaysia MADANI** yang dibawa oleh Kerajaan, **KASIH Wanita** telah dipilih sebagai tema Sambutan Hari Wanita Antarabangsa Tahun 2023. Konsep KASIH ini menterjemahkan Malaysia MADANI dengan



membawa nilai-nilai melalui KASIH **Kasih sayang, Akhlak mulia, Sihat, Ilmu dan Harmoni** untuk melahirkan individu, keluarga dan masyarakat yang maju dari segi pemikiran, kerohanian dan kebendaan serta beradab dan menyanjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan.

In line with the concept of MADANI Malaysia, KASIH Wanita has been chosen as the theme of our International Women's Day Celebration this year. This concept of KASIH translates MADANI Malaysia values through KASIH of love, noble morals, health, knowledge and harmony to build individuals, families and

communities that are progressive in terms of thinking, spirituality as well as civilized and highly appreciative of human values

4. Tema ini juga dipilih bersempena dengan **22 tahun KPWKM ditubuhkan** yang mana KASIH adalah **pertautan nilai – nilai murni** yang mengukuhkan lagi peranan KPWKM sebagai **peneraju utama dalam Pembangunan Masyarakat ke arah kemakmuran bersama**. Tema ini juga sangat tepat dalam merujuk kepada peranan KPWKM untuk **memperkasa wanita dan mengarus perdana gender**. Ini juga adalah

selari dengan hasrat **Malaysia Madani untuk mencapai kesejahteraan rakyat serta keterangkuman sosial.**

This theme was also chosen in conjunction with KPWKM's 22nd years of establishment, where KASIH is a link of pure values that further strengthen KPWKM's role in leading our nation's Community Development towards shared prosperity. This theme is accurate in referring to the role of KPWKM to empower women and mainstream gender which is very much in line with Malaysia MADANI's desire to achieve people's well-being and social inclusion.

## **(C) CABARAN DAN INISIATIF KPWKM DALAM PEMERKASAAN WANITA**

YAB Dato' Sri, YABhg. Datin Seri, Puan-Puan dan Tuan-Tuan sekalian,

5. Dalam tempoh **22 tahun penubuhan KPWKM**, kita patut berbangga kerana terdapat beberapa **kejayaan wanita** yang diberi perhatian bersama:

In the 22 years since the establishment of KPWKM, we should be proud because there have been several achievements, especially for women:

- (i) walaupun penyertaan wanita dalam tenaga buruh masih rendah, tetapi terdapat **peningkatan kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh** setiap tahun. Pada tahun 2021, kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh ialah 55.5 peratus berbanding 47.2 peratus pada tahun 2000. Di peringkat KPWKM pelbagai program telah dilaksanakan untuk

meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga buruh seperti **pemeriksaan 14 Laman Wanita (LaWa)** sebagai pusat setempat yang menawarkan pelbagai aktiviti pemeriksaan wanita,

i) although the participation of women in the labor force is still low, there has been an increase in the rate of participation of women in the labor force every year. In 2021, the participation rate of women in the labor force is 55.5% compared to 47.2% in 2000. At the ministerial level, various programs have been implemented to increase the participation of women in the

labor force such as utilising 14 Laman Wanita (LaWa) Centers as a local center that offers various empowerment activities,

- (ii) **Wanita Bangkit @KPWKM, juga merupakan program membantu wanita bangkit semula dari Covid -19, dari keganasan rumah tangga dan dari dibelenggu kemiskinan. WeJana dan WeBridge, MyKasih Kapital, MamaCare, 2 Years Exit Programme** serta **program pembangunan kapasiti**. Melalui program penjanaaan pendapatan ini, wanita dapat

mengurangkan kebergantungan kepada orang lain dan membantu ekonomi keluarga; dan

ii) Wanita Bangkit @KPWKM, is also a program to help women rise again from Covid-19, fighting against domestic violence and from the shackles of poverty. WeJana and WeBridge, MyKasih Kapital, MamaCare, 2 Years Exit Program as well as capacity building programs. Through this income generation program, women may reduce their dependence on others and thus help contribute to their family economy; and



(iii) **peningkatan kadar literasi** wanita iaitu 96.20 peratus pada tahun 2021 berbanding 86.3 peratus pada tahun 2000;

iii) increase in the female literacy rate of 96.20 percent in 2021 compared to 86.3 percent in 2000;

(iv) **peningkatan kadar enrolmen wanita di setiap peringkat pendidikan** iaitu peringkat prasekolah (90.31 peratus), peringkat rendah (98.43 peratus), peringkat menengah (94.45 peratus) dan pendidikan tinggi (47.51 peratus) pada tahun 2021.

Secara keseluruhannya, wanita masih **mendominasi kadar enrolmen kasar berbanding lelaki dalam semua peringkat pendidikan**. Terdapat juga peningkatan enrolmen wanita di peringkat Doktor Falsafah dan Sarjana iaitu 50.02 peratus dan 56.62 peratus pada tahun 2021 berbanding tahun data ini mula dilaporkan pada tahun 2007 iaitu masing – masing 37.93 peratus 51.38 peratus.

v) increase in the enrollment rate of women at each level of education, namely preschool level (90.31 percent), primary level (98.43 percent), secondary level (94.45 percent) and higher

education (47.51 percent) in 2021. Overall, women still dominate the gross enrollment rate compared to men in all levels of education. There is also an increase in the enrollment of women at Doctor of Philosophy and Master's level which is 50.02 percent and 56.62 percent in 2021 compared to the year this data was first reported in 2007 which is 37.93 percent and 51.38 percent respectively.

Beberapa wanita juga telah menempa nama di peringkat antarabangsa dalam pelbagai bidang. Di antara mereka ialah:

- i. Tan Sri Michelle Yeoh, yang baru-baru ini menjadi wanita Asia pertama yang telah memenangi Screen Actors Guild Awards dan buat julung kalinya, telah dicalonkan sebagai First Ever Asian **Oscar's** Best Actress Nominee; she is not only the first Malaysian to be nominated as Best Actress but also the first Asian ever nominated.

- ii. Puan Anniketyni Madian, anak kelahiran Sarawak ini merupakan graduan dalam jurusan “fine arts” yang telah menempa namanya dalam bidang seni halus apabila beliau telah tersenarai sebagai salah seorang artis Asia yang paling berpengaruh pada Tahun 2021 oleh TatlerAsia. Beliau telah meraih pelbagai anugerah dan dianggap di antara artis muda tanah air yang tersohor. Arca beliau boleh ditemui di peringkat global dalam koleksi seni persendirian;

- iii. Senator Ras Adiba, sepanjang kerjaya beliau sebagai aktivitis yang tidak lekang memperjuangkan hak-hak Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia, akan menjadi salah satu 2023 International Women of Courage (IWOC) Award Recipients di White House, di Washington; dan
- iv. Dalam bidang sukan, Malaysia bangga meraikan Datuk Nicol Ann David sebagai ikon atlet skuash wanita yang terkenal di seluruh dunia.
- v. Selain itu, tidak lupa juga pada kejayaan yang diraih oleh lagi seorang atlet Sarawak, Pandelega Rinong

yang pernah mencatat sejarah sebagai atlet Malaysia wanita pertama yang memenangi pingat Olimpik dalam acara terjun.

Some women have also forged name at the international level in various fields. Among them are:

Tan Sri Michelle Yeoh, who recently became the first Asian woman to win the Screen Actors Guild Awards and for the first time, was nominated as the First Ever Asian Oscar's Best Actress Nominee; she is not only the first Malaysian to be nominated as

Best Actress but also the first Asian ever nominated.

Also, Puan Anniketyni Madian, a Sarawak-born, fine arts graduate has forged her name in the field of fine arts when she was listed as one of the most influential Asian artists in 2021 by TatlerAsia. She has won various awards and is considered among the most famous young artists of the country. Her sculptures can be found globally in private art collections;

The pride of Persons with Disabilities (OKU) in Malaysia, Senator Ras Adiba who will be one of the 2023 International Women of



Courage (IWOC) Award Recipients at the White House, in Washington;

In the field of sports, Malaysia is proud to celebrate Datuk Nicol Ann David as an icon of female squash athletes known throughout the world.

Let's not forget the success achieved by another Sarawakian athlete, Pandelega Rinong, who made history as the first female Malaysian athlete to win an Olympic medal in diving.

6. Komitmen dan kesungguhan Kerajaan dalam mencapai kesaksamaan gender dan menangani keganasan

terhadap wanita serta aspek **keselamatan** wanita diteruskan dengan **meningkatkan advokasi** yang memfokuskan kepada langkah-langkah pencegahan dan menimbulkan kesedaran berhubung keganasan terhadap wanita.

The Government's commitment and determination in achieving gender equality and addressing violence against women continues through the increase in advocacy that focuses on preventive measures and awareness regarding violence against women.

7. KPWKM juga amat prihatin dan komited dalam meningkatkan **kesejahteraan** wanita melalui pelbagai program sepanjang tahun seperti **Skuad WAJA, program MATAHARI, program IRIS serta kaunseling**. Bagi program psikososial di bawah **Skuad WAJA**, seramai 328,558 individu telah berdaftar sebagai sukarelawan Skuad WAJA dan seramai 72,942 individu telah disantuni. Skuad WAJA merupakan inisiatif bagi tujuan memperkasa komuniti melalui program bimbingan psikososial dan aktiviti dalam komuniti meliputi pelbagai aspek pemerkasaan dan pementapan sendiri bagi meningkatkan kesedaran

tentang isu-isu jenayah terutamanya terhadap golongan wanita. **Modul Skuad WAJA 2.0** telah dibangunkan yang merupakan penambahbaikan kepada pemantapan pembangunan kapasiti Skuad WAJA yang merangkumi kemahiran Bantuan Awal Psikologi (PFA) dan Psikospiritual. Bagi memastikan keberkesanan Modul Skuad WAJA 2.0 ini, latihan **Training of Trainer (TOT)** telah dilaksanakan dengan penglibatan pelbagai agensi. Selain itu, kursus penyegaran (*refresher course*) juga telah dilaksanakan kepada Skuad WAJA bagi memastikan kemahiran mereka dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Sementara itu,

**program MATAHARI (Meningkatkan Daya Tahan dan Psikologi Wanita)** dilaksanakan yang merupakan usaha meningkatkan kesejahteraan sendiri melalui strategi psikologi, pemikiran positif bagi memastikan emosi yang stabil dan tindakan yang lebih bijak serta mempromosikan kesedaran pentingnya kemahiran resiliensi dan adaptasi positif kepada perubahan. **Program IRIS (Literasi Perundangan dan Hak Wanita)** juga dilaksanakan yang mana program ini memfokuskan kepada elemen pemahaman terhadap perihal penganiayaan terhadap wanita dari segi perundangan. **Khidmat sokongan** juga

disediakan di peringkat KPWKM dalam membantu menangani isu tekanan emosi di Talian 15999 secara 24 jam serta mewujudkan pusat rujukan setempat menerusi **Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS)**. Perkhidmatan **kaunseling / tele-kaunseling dan psikososial** juga disediakan melalui agensi – agensi KPWKM. Aspek kesejahteraan ini juga berkait rapat dengan **kesihatan** wanita yang mana antara program kesihatan yang dilaksanakan ialah **Program Subsidi Ujian Mamogram dan Program Saringan Kanser Serviks (Ujian HPV DNA)**.

KPWKM is also very committed to improve women's well-being through various programs throughout the year such as WAJA Squad, MATAHARI program, IRIS program and counselling. For the psychosocial program under the WAJA Squad, a total of 328,558 individuals have been registered as WAJA Squad volunteers and a total of 72,942 individuals have been treated. The WAJA Squad is an initiative for the purpose of empowering the community through psychosocial guidance programs and activities in the community covering various aspects of empowerment and self-reinforcement to increase awareness of criminal issues, especially against women. The WAJA Squad 2.0

module has been developed to strengthen WAJA Squad capacity development which includes Psychological First Aid (PFA) and Psychospiritual skills. To ensure the effectiveness of the WAJA 2.0 Squad Module, a Training of Trainer (TOT) exercise was implemented with the involvement of various agencies. In addition, a refresher course has also been implemented for the WAJA Squad to ensure that their skills can be improved from time to time. Meanwhile, the MATAHARI (Increasing Women's Resilience and Psychology) program is implemented which is an effort to improve self-well-being through psychological strategies, positive thinking to ensure stable emotions and



smarter actions as well as promoting awareness on the importance of resilience skills and positive adaptation to change. The IRIS program (Legal Literacy and Women's Rights) is also implemented which focuses on elements of understanding of the persecution of women in terms of legislation. Support services are also provided at the KPWKM level in helping to deal with emotional stress issues received through the 15999 Line 24 hours a day as well as creating a local reference center through the Local Social Support Center (PSSS). Counseling / tele-counseling and psychosocial services are also provided through KPWKM agencies. This aspect of well-

being is also closely related to women's health, which among the health programs implemented are the Mammogram Test Subsidy Program and the Cervical Cancer Screening Program (HPV DNA Test).

8. Kerajaan turut memberi tumpuan terhadap usaha mengarusperdana gender dan menekankan kepentingan pemakaian lensa gender (*gender lens*) **dengan pelantikan Gender Focal Point (GFP) dan pelaksanaan program pembangunan kapasiti** agar setiap dasar dan pelaksanaan program di peringkat Kementerian mengambil kira

perspektif gender serta keperluan yang berbeza untuk mencapai objektif kesaksamaan gender seperti yang termaktub dalam RMK12 dan SDG2030. Seramai 44 individu yang terdiri daripada Pengurusan Tertinggi daripada pelbagai Kementerian telah dilantik sebagai GFP. **Gender Focal Team** juga diwujudkan di setiap kementerian dan agensi sebagai usaha mengurus perdana gender dalam setiap perancangan, pelaksanaan dasar dan inisiatif kerajaan.

The government also focused on efforts to mainstream gender and emphasized the importance of using gender lens with the

Gender Focal Point (GFP) and the implementation of capacity building programs so that every policy and program at the Ministry level takes into account gender perspectives and different needs to achieve gender equality objective as stated in RMK12 and SDG2030. A total of 44 individuals comprising Top Management from various Ministries have been appointed as GFPs. Gender Focal Teams were also created in every ministry and agency as an effort to mainstream gender in every planning, policy implementation and government initiative.

9. **Keperihatinan** YAB Dato' Seri dalam usaha memperkasa wanita **amat dihargai** melalui pelancaran **Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah** (SKSSR) pada 11 Februari 2023 melalui Kementerian Sumber Manusia dan agensinya, Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso). SKSSR di bawah Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 (Akta 838) diperkenalkan bagi menyediakan Perlindungan Bencana Domestik dan Perlindungan Keilatan kepada lebih tiga juta suri rumah. Hanya dengan RM120 jumlah caruman untuk tempoh 12 bulan yang dibayar secara terlebih dahulu, suri rumah akan dilindungi SKSSR. Skim ini menyediakan

pelbagai faedah seperti Faedah Hilang Upaya Kekal, Faedah Perubatan dan Pemulihan, Elaun Keuzuran, Bantuan Dialisis, Pencen Penakat dan Faedah Pengurusan Mayat. **KPWKM amat menyambut baik inisiatif ini yang mana ianya merupakan satu pengiktirafan ke atas penglibatan suri rumah dalam *Care Economy* dan pembangunan institusi keluarga.**

YAB Dato' Seri's concern in empowering women is greatly appreciated through the launch of the Housewives' Social Security Scheme (SKSSR) on 11 February 2023 through the Ministry of Human Resources and its agency, the Social Security

Organization (Socso). SKSSR under the Housewives Social Security Act 2022 (Act 838) was introduced to provide Domestic Disaster Protection and Disability Protection to more than 3 million housewives. With only RM120 total contribution for a period of 12 months paid in advance, housewives will be covered by SKSSR. The scheme provides various benefits such as Permanent Disability Benefit, Medical and Rehabilitation Benefit, Sickness Allowance, Dialysis Assistance, Retirement Pension and Mortuary Benefit. KPWKM welcomes this initiative which is a recognition on the involvement of housewives in the Care Economy and the development of family institutions.

10. Setiap tahun juga terdapat juga **peningkatan wanita sebagai pembuat keputusan di sektor swasta dan awam.** Saya ingin menyentuh secara khusus mengenai **sektor awam** yang mana pengumuman Kerajaan tentang pelaksanaan dasar 30 peratus keterlibatan wanita memegang jawatan kepimpinan utama dan sebagai pembuat keputusan di sektor awam pada tahun 2004 menyaksikan **trend peningkatan** setiap tahun yang mana terkini sebanyak 38.8 peratus pada tahun 2022 berbanding 38.75 peratus pada tahun 2021.



Every year there is also an increase in women as decision makers in the private and public sectors. I would like to specifically touch on the public sector where the Government's announcement on the implementation of the 30 percent involvement of women holding key leadership positions and as decision makers in the public sector in 2004 saw an increasing trend every year which is the latest of 38.8 percent in 2022 compared to 38.75 percent in 2021.

11. Walau bagaimanapun, Kajian Penilaian Pelaksanaan Inisiatif Sekurang–Kurangnya 30 Peratus Wanita di Peringkat

Pembuat Keputusan yang telah dilaksanakan oleh KPWKM pada tahun 2023 mendapati masih terdapat sektor-sektor tertentu termasuk syarikat berkaitan kerajaan yang masih jauh daripada sasaran tersebut. Dalam hal ini, sepatutnya syarikat berkaitan kerajaan menunjukkan contoh yang baik dalam mendokong dasar Kerajaan.

However, the Implementation Evaluation Study of the At Least 30 Percent Women at Decision-Making Level Initiative which was implemented by KPWKM in 2023 found that there are certain sectors including government-related companies that are still far from the target. In this regard, government-related companies

should set a good example in supporting the Government's policies. YAB, it's in our wish list to see 30% policy can be implemented first by our Government Listed Companies.

12. Secara umum, permasalahan wanita mampu difahami dan diselesaikan oleh wanita, iaitu melalui penerapan idea-idea dan undang-undang yang berorientasikan wanita. **Ini dapat dicapai secara maksimum melalui penglibatan wanita sebagai pembuat dasar.** Semakin ramai wanita terlibat sebagai pembuat keputusan, maka **semakin terjaminlah hak-hak dan kedudukan wanita kerana**

**undang-undang yang digubal mengambil kira kepentingan wanita.** Penglibatan lebih ramai wanita mampu menyuntik kepelbagaian dalam kepimpinan dan pentadbiran negara untuk memenuhi hasrat merapatkan jurang gender di Malaysia. Senario ini juga membayangkan **kesediaan tiga (3) jawatan tertinggi dalam perkhidmatan awam iaitu Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan disandang oleh wanita pula selepas ini? Mengapa tidak?**

In general, women's problems can be understood and solved by women through the application of women-oriented ideas and laws. The more women are involved as decision makers, the more women's rights and positions are guaranteed because the laws that are enacted take into account women's interests. The involvement of more women is able to inject diversity into the country's leadership and administration to meet the desire to reduce the gender gap in Malaysia. This scenario also implies the readiness of the three (3) highest positions in the public service namely Chief Secretary, Director General of Public

Service and Chief Secretary of the Treasury to be held by women after this.

13. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan **terima kasih** kepada YAB Perdana Menteri ke atas **inisiatif pemerkasaan wanita** yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri melalui **Belanjawan MADANI 2023** iaitu:

- (i) peruntukan Geran Penjagaan Kanak-Kanak kepada Wanita Kembali Bekerja;

- (ii) memudah cara garis panduan untuk pusat jagaan kanak-kanak di pejabat termasuk membenarkan penyediaan pusat jagaan di aras pejabat yang lebih tinggi;
- (iii) pelanjutan insentif cukai sedia ada;
- (iv) memudah cara proses pendaftaran dan memulakan semula program pemutihan taska dan pusat penjagaan kanak-kanak yang belum berdaftar di seluruh negara;
- (v) penyediaan subsidi yuran taska RM180 sebulan; dan

(vi) pembinaan 80 buah taska dan tabika KEMAS termasuk 13 projek baharu.

I would also like to take this opportunity to thank the Prime Minister for the women's empowerment initiative announced by the Prime Minister through the MADANI Budget 2023 which is: provision of Child Care Grants to Women Returning to Work; simplify guidelines for childcare centers which includes allowing the provision of childcare centers at higher office levels; extension of existing tax incentives;



facilitate the registration process and restart the bleaching program of unregistered nurseries and child care centers throughout the country;

provision of nursery fee subsidy of RM180 per month; and construction of 80 KEMAS nurseries and nurseries including 13 new projects.

14. Menurut kajian saintifik, 7 tahun pertama seseorang anak kecil adalah yang paling transformatif dan pusat pembelajaran awal atau penjagaan kanak-kanak adalah yang paling penting untuk kedua-dua anak dan ibu. Ini

memberikan peluang untuk ibu kembali bekerja dan pada masa yang sama anak-anak diberi perhatian dan didikan dari awal.

According to scientific research, a child's first 7 years is the most transformative and hence early learning centers or child care is the most important for both child and mother.

15. Sememangnya inisiatif-inisiatif ini membuktikan kesungguhan Kerajaan Perpaduan dalam memperkasakan wanita di negara ini serta menunjukkan sokongan Kerajaan kepada wanita untuk terus kekal dalam pasaran pekerjaan.

Indeed, these initiatives prove the Perpaduan Government's determination in empowering women in this country as well as showing the Government's support for women to remain in the job market.

#### **(D) HARAPAN**

YAB Dato' Seri, YABhg Datin Seri, Puan-Puan dan tuan-tuan yang dihormati sekalian,

16. Saya ingin berkongsi sebuah Kajian oleh McKinsey & Company pada tahun 2022 yang menyatakan **women are ambitious and hardworking. They're more inclusive and empathetic leaders.**
3. I would also like to share a study by McKinsey & Company in 2022 that states women are ambitious and hardworking. They're more inclusive and empathetic leaders. With regard to this, it is also in our wish list to have a resource centre, perhaps a Women Centre for Excellence, where women can conduct research. And, we would also wish to have a

Fund specifically to run activities for women and women NGOs.

17. Sehubungan itu, bagi terus mencapai kesaksamaan gender dan seterusnya memaksimumkan potensi dan peranan wanita dalam pelbagai aspek pembangunan negara, KPWKM akan terus melaksana **pelbagai inisiatif untuk terus memperkasa wanita meliputi aspek pembangunan ekonomi, keselamatan dan kesejahteraan wanita serta kepimpinan.** Ini secara khususnya bagi

**memastikan golongan wanita berjaya berdikari dan mengurangkan kebergantungan kepada orang lain bagi tujuan kelangsungan hidup, mengetahui hak – hak wanita serta mendayaupayakan potensi agar mampu bangkit mengatasi cabaran dalam merubah kehidupan.**

Accordingly, in order to remain steadfast in achieving gender equality and further maximize the potential and role of women in various aspects of national development, KPWKM will continue to implement various initiatives to empower women covering aspects of economic development, women's safety and well-being as well as leadership. This is specifically to ensure

that women succeed in being independent and reduce their dependence on others for the purpose of survival, to know women's rights and to empower their potential to be able to overcome challenges in changing lives.

Amelia Earhart pernah menyatakan '*women should do for themselves what men have already done—occasionally what men have not done—thereby establishing themselves as persons, and **perhaps encouraging other women towards greater independence of thought and action***'.

## **(E) PENUTUP**

YAB Dato' Seri, Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati  
sekalian,

18. Pada kesempatan ini, saya dan seluruh warga kerja Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2023 mengucapkan **setinggi-tinggi penghargaan** kepada pihak yang turut berkolaborasi dalam menjayakan penganjuran Majlis ini. Dan tidak lupa kepada rakan-rakan dalam kalangan badan bukan Kerajaan, ahli akademik serta Kementerian, dan agensi Kerajaan lain yang tanpa lelah menyokong



usaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam memperkasakan wanita.

On this occasion, on behalf of all the staff of the International Women's Day Celebration 2023, we would love to express our deepest appreciation to those who collaborated in making this event a success. And not forgetting friends in non-governmental organizations, academics as well as the Ministry, and other Government agencies who relentlessly support the efforts of the Ministry of Women, Family and Community Development in empowering women.

19. Dalam menjayakan Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2023 juga, saya menyeru semua Kementerian / jabatan / agensi Kerajaan / sektor korporat / Badan Bukan Kerajaan / masyarakat untuk **sama – sama meraikan wanita** melalui program atau aktiviti yang memberi manfaat kepada wanita.

I call upon all Ministries / Government departments / agencies / corporate sectors / NGOs / communities to equally celebrate women through programs or activities that benefit women.

20. Tidak dilupakan juga ucapan ribuan terima kasih kepada Iron Ladies kami di **Laman Wanita (LaWa) dan juga dari Rumah Perlindungan Wanita (RPW)**. Untuk pengetahuan para hadirin sekalian, tanda kenangan dan kasih wanita (cenderahati) pada hari ini adalah hasil tangan wanita-wanita dari **LaWa dan RPW bersempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2023**.

Not to forget, a thousand thanks to our Iron Ladies at Laman Wanita (LaWa) and also from Rumah Perlindungan Wanita (RPW). For the knowledge of all present, today's token of remembrance and love for women (souvenirs) is the handiwork of women from

LaWa and RPW in conjunction with International Women's Day 2023.

21. Sekali lagi, **kami ingin zahirkan penghargaan yang tidak terhingga buat YAB Perdana Menteri atas hala tuju, komitmen dan keprihatinan yang tidak berbelah bahagi.**

Once again, I would like to express our appreciation to YAB Prime Minister for his unwavering direction, commitment and concern.

22. **Untuk para wanita di luar sana, tak kira walau di mana anda berada, saya mewakili Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat mengucapkan Selamat Menyambut Hari Wanita Antarabangsa 2023.**
23. Akhir kata, kepada semua wanita Malaysia...

Ayuh wanita bangkit

Sedia untuk berbakti

Wanita bangkit

Tabah menakluk realiti

Wanita bangkit

Berani depani cabaran

Wanita bangkit

Demi diri dan ibu pertiwi

**SELAMAT MENYAMBUT HARI WANITA ANTARABANGSA 2023**

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah. Wassalamualaikum

Wrt Wbt

**Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri**  
**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat**  
**8 Mac 2023**